

PM jamin selesai isu doktor kontrak dalam tiga tahun

Lantikan jawatan tetap dilaksana berperingkat, kena ambil kira implikasi kewangan

Oleh Zanariah Abd Mutalib,
Muhammad Yusri Muzamir
dan Latifah Arifin
bhnews@bh.com.my

Kuala Lumpur: Datuk Seri Anwar Ibrahim memberi jaminan kerajaan akan menyelesaikan isu doktor lantikan kontrak ke jawatan tetap secara berperingkat dalam tempoh tiga tahun.

Perdana Menteri berkata, penyerapan itu perlu dibuat berperingkat selepas mempertimbangkan implikasi kewangan yang perlu ditanggung kerajaan sekiranya diselesaikan secara sekali gus.

Justeru, katanya, untuk tahun ini, seramai 4,300 daripada 20,333 doktor lantikan kontrak di se-

luruh negara yang akan diserap ke jawatan tetap.

"Kita berikan perhatian (isu doktor kontrak). Tidak ada sama sekali niat untuk meremehkan kerana doktor kontrak berkhidmat dengan baik, berkorban masa dan tenaga, selain negara memang memerlukan (mereka).

"Dalam Belanjawan 2023, peruntukan emolumen (bernilai) RM19.7 bilion kepada Kementerian Kesihatan (KKM), peningkatan RM3 bilion berbanding 2022.

"Sejumlah RM3 bilion pertambahan emolumen, termasuk RM1.2 bilion (bagi) kenaikan gaji tahunan, selain peruntukan pertambahan bagi keperluan pegawai kontrak bernilai RM600 juta.

"Pelantikan ke jawatan tetap yang diserap daripada pegawai kontrak pula bernilai RM1.1 bilion," katanya pada Waktu Pertanyaan Menteri di Dewan Rakyat, semalam.

Beliau menjawab soalan Datuk Seri Madius Tangau (PH-Tuaran) berhubung jumlah keseluruhan pegawai perubatan lantikan kontrak dalam perkhidmatan awam dan implikasi kewangan jika semuanya diserap ke jawatan tetap.

Anwar berkata, kerajaan me-



mahami isu lantikan pegawai kesihatan kontrak adalah isu lama yang berlarutan.

"Kerajaan beri jaminan isu ini akan ditangani sebaik-baiknya berikutan mengambil kira bilangan dan implikasi kewangan terbabit.

"Kerajaan mengambil pendekatan untuk menyelesaikan isu ini secara berperingkat. Ini termasuk menambah baik peluang latihan kepakaran dan garis panduan sedia ada.

"Baki pegawai kontrak disasarkan untuk diserap menjelang 2025 dan dianggarkan membabitkan peruntukan tambahan sekitar RM1.7 bilion," katanya.

Katanya, walaupun pelantikan tetap doktor kontrak dibuat, pada masa sama, Kementerian Kesihatan (KKM) akan terus mem-

buat pelantikan kontrak bagi tujuan *housemanship* yang turut memberi implikasi kepada peningkatan kos emolumen KKM setiap tahun.

"Sebab itu, saya merayu, sementara tuntutan ini munasabah, bahawa mereka berkhidmat sekian lama, tetapi (serapan ke lantikan tetap) masih tertangguh. Tahun ini kita tak mampu untuk selesaikan semua.

"Saya berterima kasih di atas kesediaan mereka berkhidmat walaupun ada keresahan (dan) tidak puas hati tidak diserapkan (ke jawatan tetap) semuanya sekali gus," katanya.

Anwar yang juga Menteri Kewangan berkata, kerajaan juga bersetuju supaya elaun *on call* diperluas kepada pegawai perubatan di enam klinik kesihatan yang terbabit dalam projek rintis bagi menangani kesesakan di hospital.

Peluasan bagi elaun berkenaan turut dipanjangkan merangkumi hari kelepasan mingguan.

"Saya juga mengarahkan Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) dan Kementerian Kewangan untuk mengkaji kemudahan ini supaya ia dipanjangkan kepada semua, selain pegawai perubatan," katanya.